

29/08/2000

Kemeriahan merdeka belum dirasakan di Melaka

Norazmi Abdul Talib

MERDEKA! Merdeka! Merdeka! Gema kemerdekaan sempena Hari Kebangsaan ke-43, Khamis ini, dikhuatiri tidak disambut sebilangan penduduk negeri ini, berikutan mereka mungkin dibayangi keselesaan hidup hingga terlupa perjuangan generasi lalu. Lantaran itu, mereka membiarkan rakyat lain menyambut Hari Kebangsaan dan sekadar menjadi 'penumpang' dalam negara sendiri. Golongan itu bukan tidak memahami sejarah tetapi seolah-olah mahu melupakan fakta sejarah, termasuk peranan Melaka dalam proses menuntut kemerdekaan negara.

Malah, Melaka menjadi tempat rakyatnya berkorban mengeluarkan wang dan menggadaikan barang kemas bagi membiayai perbelanjaan rombongan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj berlepas dari Batu Berendam ke London bagi membincangkan soal kemerdekaan.

Justeru, tidak wajar penduduk Melaka mengasingkan diri daripada turut memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Inilah yang dikhuatiri terjadi kerana setakat ini, seolah-olah tiada kemeriahan dirasakan di negeri ini, selepas sambutan Bulan Kemerdekaan serta kempen Jalur Gemilang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat pusat dan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam di peringkat negeri pada 17 Ogos lalu.

Walaupun banyak jalan serta bangunan mengibarkan Jalur Gemilang serta memaparkan acara peringkat negeri serta daerah, tiada sambutan peringkat kampung atau anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Ini terbukti apabila tidak banyak kenderaan serta rumah kediaman persendirian di Melaka mengibarkan Jalur Gemilang, apatah lagi mengadakan majlis kesyukuran bersama keluarga masing-masing sempena Hari Kebangsaan ini.

Begitu juga kenderaan rasmi, kuarters dan bangunan kerajaan, mungkin terlupa memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan dengan kibaran Jalur Gemilang. Apa yang mendukacitakan sebilangan pejabat wakil rakyat juga tidak menunjukkan kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan.

Bagaimanapun, apa yang dapat dilihat sambutan Hari Kebangsaan lebih dirasakan pelajar seluruh Melaka apabila setiap sekolah begitu kreatif mengibarkan Jalur Gemilang. Acara kemuncak pula adalah majlis memacak 43,000 Jalur Gemilang di Dataran Jabatan Pendidikan Negeri di Bukit Beruang, esoknya.

Gerakan Belia 4B Kota Melaka mengadakan Ekspedisi Jalur Gemilang manakala MAYC Jasin mengadakan ekspedisi berkereta selain turut serta dalam perarakan sambutan peringkat negeri.

(END)